

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
MUZIUM NEGARA, KUALA LUMPUR
MAJLIS PERASMIAN BUKU "HERITAGE - THE CHANGING WORLD: OUR
HERITAGE AND OUR FUTURE"
04 JANUARI 1991**

Bismillahir rahmannir rahim.

YABhg. Toh Puan Saadiah Sardon, Presiden PPSEAWA Malaysia; YBhg. Tuan Haji Jumaat Dato' Hj. Mohd. Noor, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka; YBhg. Dato' Shaharum Yub, Ketua Pengarah Jabatan Muzium; YBhg. Datin Ann Abdul Majeed, Merangkap Naib President Antarabangsa PPSEAWA; Dif-Dif Kehormat; Puan-puan dan Tuan-tuan yang dihormati.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama pada hari ini di Majlis Pelancaran Buku "HERITAGE" - The Changing World: Our Heritage and Our Future".

2. Hari ini ialah hari Jumaat pertama dan hari keempat bagi dekad terakhir abad yang ke-20. Semenjak pertengahan abad ini kita telah menyaksikan berbagai-bagai perubahan daripada segi politik dan sosio-ekonomi. Di samping mengecapi nikmat kemerdekaan serta hasil perindustrian dan permodenan, kita telah juga mengalami kesan sampingan negatif.

Kesan-kesan ini telah menjejaskan nilai hidup, tradisi, seni budaya dan alam sekitar kita. Jika ianya berterusan apakah yang akan dapat diwarisi oleh generasi akan datang.

3. Buku "HERITAGE" ini merupakan "A sharing of thoughts". Ia mengandungi satu kumpulan persepsi pemikiran dan visi, aspirasi dan impian lima orang cendekiawan yang dapat membentuk satu warisan yang boleh dibanggakan.

4. Sungguhpun kita hanyalah makhluk sementara di dunia ini kita tetap mempunyai tanggungjawab penting dalam membentuk warisan ini. Adalah menjadi kewajipan kita untuk menentukan bahawa generasi akan datang dapat mengecapi hidup dalam alam sekitar yang selamat, menyerap nilai-nilai yang murni memperolehi kebijaksanaan dalam semua aspek kehidupan, dan terus menikmati seni budaya yang kita warisi.

5. Tanggungjawab kita ini tersirat di sebalik kenyataan:

"We have borrowed the world from our children - they are not inheriting it from us". Pesanan ini terdapat di dalam buku tersebut yang menegaskan apa jua yang akan diwarisi oleh generasi akan datang bergantung penuh kepada tindak-tanduk

kita hari ini. Maka di sinilah pentingnya buku ini agar ianya menjadi panduan kepada masyarakat semasa yang diamanah menentukan warisan generasi akan datang.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

6. Buku "HERITAGE" ialah hasil kerjasama beberapa pihak termasuk individu, agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan- pertubuhan bukan kerajaan. Sebagai penaung PPSEAWA Malaysia saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada setiap orang yang terlibat dalam penerbitan buku ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang memberi sokongan penuh dan membantu PPSEAWA iaitu sebuah pertubuhan bukan kerajaan. Saya yakin Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengambil langkah untuk menunaikan apa yang dipercayai sebagai tanggungjawab moralnya membantu menonjolkan isu semasa demi untuk kepentingan masyarakat. Usaha bersepadu ini sangatlah menggalakkan. Sudah tentu ianya memberi perangsang dan harapan kepada kita semua yang berazam membentuk suatu masyarakat yang insaf dan kasih sayang atau 'a caring society', insya-Allah.

7. Dengan ucapan Bismilahir rahmanir rahim saya dengan sukacitanya melancarkan buku berjudul "HERITAGE - The Changing World: Our Heritage and Our Future".

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.